

Kes 1: Syarikat Perabot Amanah

Syarikat Perabot Amanah merupakan sebuah perniagaan milikan tunggal yang beroperasi di Seremban dan mengkhususkan dalam penghasilan serta penjualan perabot rumah secara tempahan. Syarikat ini telah mencatatkan keuntungan yang meningkat secara konsisten sejak 3 tahun lalu. Kini, pemilik syarikat bercadang memohon pinjaman MARA sebanyak RM100,000 untuk menubuhkan satu lagi bengkel pembuatan.

Maklumat Kewangan

1. Keuntungan Bersih Bulanan: RM25,000
2. Komitmen Hutang Sedia Ada (Bulanan): RM2,000
3. Jumlah Pinjaman MARA Dimohon: RM100,000

Nisbah Kewangan

<i>Nisbah</i>	<i>Nilai (2023)</i>
Nisbah Semasa	4.8
Pusing Ganti Inventori	6.2 kali
Tempoh Kutipan ABT	18 hari
Nisbah Untung Bersih	10.2%
Nisbah Liputan Faedah	12.5 kali
Nisbah Hutang kepada Aset	0.25

Tugasan:

1. Nilai semula keperluan pinjaman dengan mengambil kira kekukuhan nisbah kewangan syarikat.
2. Kira DSR
3. Buat keputusan: lulus pinjaman sepenuhnya, lulus separa, atau tolak pinjaman.